KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **17 SEPTEMBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH Berita Harian

HARI: SELASA

TARIKH: 17/9/2024

M/SURAT: 8

# Reformasi industri padi, beras akan diumum minggu ini

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengumumkan mengenai reformasi industri padi dan beras negara, minggu ini.

Setiausaha Akhbar kepada Menterinya, Adeysham Nor, berkata pengumuman itu akan dibuat Datuk Seri Mohamad Sabu.

"Beliau (Mohamad) sedang menunggu pasukan petugas siapkan laporan penuh," katanya kepada *BH*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika merasmikan Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024, mahu amalan lama kartel import baja dan benih wajib dihentikan.

Sementara itu, Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Datuk Zamri Yaakob berkata, isu kartel dalam konteks bekalan baja kepada lembaga itu tidak timbul.

Katanya, semua peladang di bawah LPP mendapat bekalan baja terus dari kilang NAFAS, walaupun kenaikan harga baja sejak 2021 melebihi 300 peratus.

"NAFAS mengalami kerugian hampir RM500 juta akibat perang antara Russia dan Ukraine. Walaupun harga baja yang diimport oleh NAFAS melambung tinggi sejak 2021, kami masih menunaikan tanggungjawab untuk terus memberikan bekalan kepada pesawah seluruh negara.

"Kilang baja NAFAS di Gurun, Kedah juga adalah hak milik petani melalui usaha sama dengan NAFAS dengan pegangan sebanyak 80 peratus, manakala 20 peratus dipegang oleh PETRONAS," katanya.

Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada NAFAS untuk membekalkan baja kepada pesawah di seluruh negara mulai tahun depan meneruskan rundingan harga.

Katanya, NAFAS mempunyai jaringan dan rangkaian 14 Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan 281 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Bagaimanapun tahun depan, kerajaan dikatakan akan membuka tender terbuka bagi bekalan baja. Dalam hal ini, kami membantah dan berharap rundingan harga akan dibuat dengan NAFAS.

"Saya harap ini (bekalan dari NAFAS) berkekalan bagi menjamin bekalan itu kekal kepada peladang," katanya.

Sementara itu, hasil kajian am membabitkan industri padi dan beras di negara ini akan dibentangkan ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akhir bulan ini.



Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Iskandar Ismail, berkata selepas dibawa ke KPDN ia dibentangkan kepada KPKM.

Beliau menegaskan MyCC hanya menjalankan kajian am dan bukannya siasatan ke atas industri padi dan beras.

"Insya-Allah kajian akan dibentangkan bulan ini. Antara inti pati ialah isu permasalahan industri padi dan beras," katanya.

Semalam, Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras KPKM, Datuk Azman Mahmood, berkata MyCC masih dalam proses kajian terhadap industri padi dan beras negara, termasuk berhubung dakwaan wujud kartel dalam sektor pengeluaran makanan berkenaan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA
TARIKH: 17/9/2024
M/SURAT: 17

# Warga Thailand keluar masuk seludup petrol kena tahan



*Lelaki warga asing sedia tangki tambahan yang diubah suai di bawah tempat duduk penumpang untuk seludup petrol.* (Foto Ihsan KPDN)

**Tanah Merah:** Pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengesan kehadiran warga Thailand yang memasuki daerah ini berulang kali untuk menyeludup petrol.

Hasil risikan pihak berkuasa mendapati penyeludup menjadikan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga sebagai laluan keluar masuk mereka.

Penahanan terbaharu dibuat pada jam 4.10 petang semalam ketika pasukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menjalankan Ops Tiris dan menahan seorang lelaki Thailand berusia 24 tahun.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail, berkata lelaki itu diekori ketika keluar dari sebuah stesen minyak di Tanah Merah sehingga memasuki bangunan pelancongan berhampiran Kompleks ICQS Bukit Bunga.

"Lelaki itu ditahan ketika keluar untuk ke Thailand dan dia memasuki negara ini menggunakan pas lawatan sementara.

"Pemeriksaan mendapati kenderaan suspek mempunyai tangki tambahan yang diubah suai di bawah tempat duduk penumpang disyaki bagi menyeludup petrol," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Azman berkata, hasil soal siasat lelaki itu mengaku mengisi petrol empat kali di stesen sama pada hari ditahan, kelmarin.

Katanya, kenderaan Proton Waja yang disita juga didapati mengandungi anggaran 146 liter petrol yang dirancang untuk diseludup dan dijual Thailand.

"Operasi ini dibuat susulan maklumat risikan mengenai penyelewengan oleh warga asing yang membeli dan mengisi petrol dalam kuantiti besar secara berulang ke dalam tangki diubah suai menggunakan kenderaan berdaftar tempatan.

"Suspek ditahan dan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 atas kesalahan penyelewengan barang kawalan.

"KPDN Kelantan menegaskan penyelewengan barang kawalan termasuk penyeludupan adalah kesalahan serius yang boleh dikenakan tindakan tegas," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: SELASA

TARIKH: 17/9/2024

M/SURAT: 23




AZIZAN (kiri) sasar untuk membantu kira-kira 10,000 PMKS menjelang akhir tahun ini.

# RichWorks komited terus bantu PMKS

**Shah Alam:** RichWorks International Sdn Bhd (RichWorks) komited untuk terus membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di negara ini, dengan menganjurkan Siri Sokongan Jelajah Bina SME Seluruh Malaysia (Bina SME) bermula bulan depan.

Pengerusi RichWorks Datuk Dr Azizan Osman berkata, program itu diadakan secara percuma di beberapa negeri antaranya Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Melaka dan Johor.

Pihaknya menyasarkan untuk membantu kira-kira 10,000 PMKS menjelang akhir tahun ini.

"Kami juga berhasrat bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri bagi meluaskan program ini ke Sabah dan Sarawak, jika ada permintaan di sana.

"Kami percaya berbekalkan ilmu dan pengalaman yang ada, kami mampu bantu lebih ramai usahawan untuk mendapatkan kekuatan semula.

"Bina SME ini untuk usahawan yang menjadi pembuat keputusan dengan bisnes yang sudah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan beroperasi enam bulan ke atas," katanya.

Menurutnya, 2025 dijangka membawa cabaran lebih besar kepada usahawan dan pihaknya komited membantu golongan berkenaan.

Beliau berkata, perniagaan dan pemasar tempatan pada masa kini berdepan cabaran gelombang China yang mana pengilang dari negara itu terus menjual kepada pelanggan (*direct to consumer*) dengan harga lebih murah.

"Faktor gelombang China ini sedikit sebanyak memberi tekanan kepada usahawan kecil tempatan.

"Oleh itu, kita adakan siri jelajah ini bagi membantu mereka di samping memberi idea sebagai nilai tambah dalam meningkatkan dan menghidupkan kembali perniagaan mereka," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 17 SEPTEMBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 17-Sep | 'WIPO Alert' kesan laman sesawang langgar hak cipta | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wipo-alert-kesan-laman-sesawang-langgar-hak-cipta | BERITA RTM |
| 17-Sep | Malaysia sertai pangkalan data WIPO Alert, bagi perkasa perlindungan harta intelek | https://www.buletintv3.my/nasional/malaysia-sertai-pangkalan-data-wipo-alert-bagi-perkasa-perlindungan-harta-intelek/ | BULETIN TV3 |
| 17-Sep | MALAYSIA SERTAI PANGKALAN DATA WIPO ALERT, PERKASA PENGUATKUASAAN HARTA INTELEK DIGITAL | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2339994 | BERNAMA |
| 17-Sep | Harta intelek: Malaysia sertai pangkalan data WIPO Alert - Armizan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/harta-intelek-malaysia-sertai-pangkalan-data-wipo-alert-armizan-487684 | ASTRO AWANI |
| 17-Sep | Malaysia joins WIPO Alert to strengthen intellectual property protection | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1105189/malaysia-joins-wipo-alert-strengthen-intellectual-property-protection | NEW STRAITS TIMES |
| 17-Sep | Malaysia joins global info sharing platform to boost IP protection | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/13/malaysia-joins-global-info-sharing-platform-to-boost-ip-protection | THE STAR |
| 17-Sep | Malaysia Sertai WIPO Alert, Perkukuh Penguatkuasaan Harta Intelek Digital | https://sabahmedia.com/2024/09/13/malaysia-sertai-wipo-alert-perkukuh-penguatkuasaan-harta-intelek-digital/ | SABAH MEDIA |
| 17-Sep | Armizan: Malaysia joins Wipo Alert data sharing platform to strengthen IP protection in digital era | https://theedgemalaysia.com/node/726686 | THE EDGE MALAYSIA |
| 17-Sep | Malaysia sertai pangkalan data WIPO Alert | https://www.kosmo.com.my/2024/09/13/malaysia-sertai-pangkalan-data-wipo-alert/ | KOSMO |
| 17-Sep | Kempen Jom Kosong: Harga minuman tanpa gula kurang 20 sen | https://www.buletintv3.my/nasional/kempen-jom-kosong-harga-minuman-tanpa-gula-kurang-20-sen/ | BULETIN TV3 |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 17-Sep | Harga kurang 20 sen jika minuman tanpa gula | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/09/1133468/harga-kurang-20-sen-jika-minuman-tanpa-gula | HARIAN METRO |
| 17-Sep | 'Jom Kosong' campaign goes national: Domestic Trade Ministry tackles sugar intake at mamak, tom yam eateries | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/09/13/jom-kosong-campaign-goes-national-domestic-trade-ministry-tackles-sugar-intake-at-mamak-tom-yam-eateries/150288 | MALAY MAIL |
| 17-Sep | Premis guna e-dagang jual katrij pencetak tiruan | https://www.kosmo.com.my/2024/09/13/premis-guna-e-dagang-jual-katrij-pencetak-tiruan/ | KOSMO |
| 17-Sep | KPDN PERAK RAMPAS 493 KARTRIJ PENCETAK TIRUAN | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2339991 | BERNAMA |
| 17-Sep | KPDN Perak rampas 493 kartrij pencetak tiruan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1133513/kpdn-perak-rampas-493-kartrij-pencetak-tiruan | HARIAN METRO |
| 17-Sep | KPDN Perak rampas 493 katrij pencetak tiruan | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-perak-rampas-493-katrij-pencetak-tiruan | BERITA RTM |
| 17-Sep | Premis jual katrij pencetak tiruan diserbu, 493 unit disita | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/premis-jual-katrij-pencetak-tiruan-diserbu-493-unit-disita-487661 | ASTRO AWANI |
| 17-Sep | Empat peniaga pasar malam dikenakan tindakan, langgar peraturan Akta Timbang dan Sukat | https://sabahmedia.com/2024/09/13/empat-peniaga-pasar-malam-dikenakan-tindakan-langgar-peraturan-akta-timbang-dan-sukat/ | SABAH MEDIA |
| 17-Sep | Warga Thailand cuba seludup petrol di Tanah Merah ditahan | https://www.buletintv3.my/jenayah/warga-thailand-cuba-seludup-petrol-di-tanah-merah-ditahan/ | BULETIN TV3 |
| 17-Sep | Warga Thailand keluar masuk cuba seludup petrol ditahan | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1298953/warga-thailand-keluar-masuk-cuba-seludup-petrol-ditahan | BERITA HARIAN |
| 17-Sep | LEBIH BNYAK SYARIKAT SWASTA DIGALAK SERTAI INISIATIF IHSAN RAHMAH MADANI | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2341062 | BERNAMA |
| 17-Sep | Hasil kajian MyCC kartel padi, beras dibentang akhir bulan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1299055/hasil-kajian-mycc-kartel-padi-beras-dibentang-akhir-bulan | BERITA HARIAN |
| 17-Sep | Kajian am kartel padi, beras dibentang bulan ini | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134607/kajian-am-kartel-padi-beras-dibentang-bulan-ini | HARIAN METRO |